

# Berbaik semula selepas pilihan raya — Mahathir

UM 29 NOV 1999

KUALA NERANG 28 Nov. — Perdana Menteri menyeru kepada semua ahli dan pemimpin parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum ke-10 ini supaya berbaik-baik semula selepas pilihan raya Isnin ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semua ahli dan pemimpin perlu merapatkan semula hubungan dan melupakan segala sengketa yang berlaku sepanjang musim pilihan raya.

Kata beliau, mungkin ada perasaan yang terguris di kalangan ahli dan pemimpin politik ketika mengadakan kempen-kempen pilihan raya untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat.

“Kita hendak supaya selepas pilihan raya ini, kita

rapatkan semula hubungan antara kita sebagai orang Islam. Dengan bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan kita, kita berbaik-baik juga,” tegasnya.

Bercakap di hadapan 5,000 penduduk Naka dekat sini malam ini, beliau menegaskan setiap ahli dan pemimpin parti perlu menerima segala keputusan pilihan raya dengan hati yang terbuka.

Menurut beliau, langkah berbaik-baik semula antara parti-parti politik adalah perlu bagi memastikan negara terus menikmati keamanan.

Dengan keamanan itu, katanya, rakyat termasuk penduduk di pedalaman dan pekan-pekan kecil akan terus mengecapi pembangunan.

Beliau juga mendedahkan tindakan para pemimpin Pas yang mengugut penduduk kampung supaya memberi sokongan mereka kepada parti pembangkang itu.

“Mereka mengugut untuk tidak menghadiri majlis-majlis kenduri dan kematian sekiranya penduduk kampung tidak menyokong perjuangan parti tersebut,” jelasnya.

Ugutan pemimpin Pas itu, kata beliau, menyebabkan penduduk kampung menjadi takut lalu menyokong Pas kerana khuatir dikatakan kafir oleh Pas.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir meminta Pas menghentikan kegiatan seumpama itu bagi mengelakkan perpecahan umat Islam semakin berterusan.